

**COMMUNITY POLICING: TAHAP PERSEDIAAN WARGA  
PDRM KONTINJEN KUALA LUMPUR DALAM PELAKSANAANNYA**

**Mohd Shahrizal Bin Azhari<sup>1</sup>, Asmadi Bin Hassan<sup>1</sup>  
& Alias Bin Abdullah<sup>1</sup>**

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap persediaan dalam pelaksanaan *Community Policing* dari sudut pandangan warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Kuala Lumpur berdasarkan salah satu Model Penilaian Stufflebeam iaitu Penilaian Input. Terdapat enam elemen yang dikaji menerusi penilaian input: (1) persediaan sumber maklumat; (2) persediaan sendiri; (3) sokongan ketua; (4) pengurusan kewangan; (5) sokongan agensi lain dan (6) promosi. Seramai 487 orang responden terdiri daripada Pegawai Kanan Polis (PKP) dan Pegawai Rendah Polis (PRP) mengikut daerah dan kontinjen dalam pentadbiran PDRM Kontinjen Kuala Lumpur telah dipilih secara rawak berstrata sebagai sampel kajian bagi menjawab borang soal selidik. Secara keseluruhannya, warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur mempunyai tahap persediaan yang tinggi untuk melaksanakan *Community Policing* (min=4.03, sp=0.57). Kajian ini membuktikan bahawa *Community Policing* di Kontinjen Kuala Lumpur adalah berkesan, masih relevan dan perlu diteruskan agar konsep kebersamaan antara PDRM dengan masyarakat menjadi satu budaya dalam sistem kepolisan di samping terus membantu PDRM dalam mengurangkan kadar jenayah.

**Kata Kunci:** *Community Policing*, Input, Relevan

**ABSTRACT**

*The objective of this study is to evaluate the level of preparation for the implementation of community policing from the perspective of the Royal Malaysia Police (RMP) in Kuala Lumpur by using one of the Stufflebeam Evaluation Models, namely input evaluation. There are six elements that are studied through input evaluation: (1) information resource preparation; (2) self-preparation; (3) leader support; (4) financial management; (5) other agency support; and (6) promotion. A total of 487 respondents, comprising senior police officers (SPOs) and junior police officers (JPOs) of RMP in Kuala Lumpur were randomly selected using stratified sampling method to respond to the questionnaire. Overall, members of the RMP in Kuala Lumpur have a high level of preparation to implement community policing (mean = 4.03, sd = 0.57). This study proves that community policing in Kuala Lumpur is effective, relevant, and needs to be continued so that the concept of togetherness between the RMP and the community becomes a culture in the policing system and simultaneously help them to reduce crime rates.*

**Keywords:** *Community Policing*, Input, Relevant

## PENGENALAN

Selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia kini menikmati pembangunan ekonomi, politik dan sosial yang membanggakan. Namun, ketidakseimbangan yang berlaku dalam pembangunan tersebut menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi berlakunya kejadian jenayah di negara ini. Oleh yang demikian, strategi yang proaktif perlu dirangka oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam memastikan jenayah dapat dibendung dengan memperkasakan program pencegahan jenayah.

Eldefonso (1983) menegaskan bahawa pencegahan jenayah adalah tindakan seseorang atau agensi penguatkuasaan yang dilakukan sebelum sesuatu jenayah berlaku bertujuan untuk mencegah perbuatan jenayah. Crowe (2000) pula menegaskan bahawa pencegahan jenayah adalah satu tindakan yang diterjemahkan melalui perancangan yang bersistematik dan berkesan dalam mewujudkan persekitaran yang berkualiti iaitu dapat mengurangkan rasa takut berlakunya jenayah dan seterusnya mencapai kualiti hidup yang lebih baik. Perkara ini sejajar dengan kajian Lab (2007) yang menegaskan bahawa pencegahan jenayah adalah suatu usaha dan tindakan yang disusun secara sistematik bertujuan untuk mengurangkan kadar jenayah di samping mengurangkan rasa takut masyarakat terhadap jenayah. Wan Nurul Wahidah dan Muhamad Sayuti (2021) mendapati bahawa usaha untuk meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap PDRM adalah dengan melaksanakan program pencegahan jenayah yang dilakukan secara berterusan. Salah satu usaha dalam pencegahan jenayah yang dilaksanakan oleh PDRM dikenali sebagai *Community Policing*.

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) istilah *Community Policing* adalah pengawasan masyarakat atau pengawasan komuniti (Zaiton, 2016). Skolnick dan Bayley (1988) mendefinisikan *Community Policing* sebagai strategi kebersamaan antara pihak polis dan masyarakat. Ini bermaksud gabungan antara dua pihak memberikan kesan yang lebih baik dalam isu keselamatan dan tidak meletakkan hal ini di bawah kendalian pihak polis sahaja. Friedmann (1992) mendefinisikan *Community Policing* sebagai satu dasar kerajaan. Dasar yang dimaksudkan ialah penumpuan untuk mencapai kawalan jenayah yang lebih berkesan dan cekap, mengurangkan perasaan takut ketika berhadapan dengan tindakan penjenayah, meningkatkan kualiti hidup yang lebih baik dan memperkasakan perkhidmatan polis agar pasukan polis terus dihormati. Merrit dan Dingwall (2010) mendefinisikan *Community Policing* sebagai pendekatan yang menjadi pusat penyelesaian masalah melalui perkongsian maklumat. Tiga ciri yang dikenalpasti ialah perkongsian maklumat antara pihak polis dan masyarakat, cara pendekatan yang digunakan dalam penyelesaian masalah dan pengagihan kuasa dalam organisasi.

Berdasarkan daripada kepelbagaian definisi di atas, pengkaji mendapati bahawa *Community Policing* adalah satu konsep perkhidmatan yang melibatkan kerjasama antara pihak polis dan masyarakat dalam memastikan keselamatan nyawa, harta benda dan keadaan sekeliling adalah terkawal agar masyarakat dapat menjalani kehidupan seharian secara aman dan harmoni.

## PERNYATAAN MASALAH

Usaha membendung jenayah dengan melaksanakan *Community Policing* di Kuala Lumpur disifatkan berjaya jika dinilai berdasarkan statistik jenayah indeks bermula tahun 2008 hingga 2020. Statistik menunjukkan angka penurunan pada setiap tahun seperti di Jadual 1 dan penurunan ini boleh menjadi indikator kejayaan program ini.

**Jadual 1: Statistik Jenayah Indeks Kontinjen Kuala Lumpur Tahun 2008 hingga 2020**

KESALAHAN JENYAH KEKERASAN	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
BUNUH	55	64	61	33	46	58	43	35	41	37	33	22	25
ROGOL	186	153	161	145	138	143	139	123	93	132	112	122	88
SAMUN BERKAWAN BERS/API	24	127	100	15	17	14	22	16	13	4	3	0	0
SAMUN BERKAWAN TANPA S/API	4,661	6,156	3,931	4,238	4,287	4,589	3,217	2,115	2,272	1,984	1344	1,173	783
SAMUN BERSENJATAPI	4	35	21	9	3	8	9	6	4	0	1	2	2
SAMUN TANPA S/API	896	942	933	1,211	1,049	1,224	831	652	710	1,191	1124	1,090	672
MENCEDERA	562	772	969	741	749	744	690	725	643	651	520	505	378
<b>JUMLAH</b>	<b>6,388</b>	<b>8,249</b>	<b>6,176</b>	<b>6,392</b>	<b>6,289</b>	<b>6,780</b>	<b>4,951</b>	<b>3,672</b>	<b>3,776</b>	<b>3,999</b>	<b>3137</b>	<b>2,914</b>	<b>1,948</b>
<b>JENYAH HARTABENDA</b>													
CURI	4,803	7,510	6,186	4,497	3,910	3,391	3,133	2,995	3,595	3,121	3118	2,729	2,057
CURI MOTOKAR	3,178	3,138	3,482	3,326	3,359	3,281	2,481	2,229	2,104	1,548	1482	1,423	1,000
CURI MOTOSIKAL	7,285	6,286	5,319	5,692	5,693	5,459	4,469	4,015	3,864	3,328	3030	2,763	2,200
CURI VAN /LORI /J'BERAT	813	726	753	664	549	688	548	524	495	291	253	254	147
CURI RAGUT	2,181	3,341	1,897	951	384	214	593	604	1,288	7	3	2	0
PECAH RUMAH DAN CURI	3,790	4,531	4,682	3,480	2,838	2,506	2,118	1,907	1,867	1,188	1104	1,087	949
<b>JUMLAH</b>	<b>22,050</b>	<b>25,532</b>	<b>22,319</b>	<b>18,610</b>	<b>16,733</b>	<b>15,539</b>	<b>13,342</b>	<b>12,274</b>	<b>13,213</b>	<b>9,483</b>	<b>8,990</b>	<b>8,258</b>	<b>6,353</b>
<b>JUMLAH JENYAH INDEKS</b>	<b>28,438</b>	<b>33,781</b>	<b>28,495</b>	<b>25,002</b>	<b>23,022</b>	<b>22,319</b>	<b>18,293</b>	<b>15,946</b>	<b>16,989</b>	<b>13,482</b>	<b>12,127</b>	<b>11,172</b>	<b>8,301</b>

Sumber: Statistik Jenayah Indeks Malaysia (2022). Bahagian D4 (Risikan/Operasi/Rekod Jenayah), Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman.

Namun, timbul persoalan adakah pelaksanaan *Community Policing* di Kuala Lumpur benar-benar berkesan sehingga mendorong indeks kadar jenayah menurun? Persoalan ini timbul kerana laporan daripada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) mendapati bahawa sepanjang tahun 2011 hingga 2020 sebanyak 3,443 aduan salah laku melibatkan PDRM yang mana aduan tertinggi direkodkan berbanding agensi penguatkuasa lain (Portal Rasmi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, 2022).

Sesuai aktiviti atau program berbentuk kemasyarakatan tidak dapat dilaksanakan sekiranya tiada persediaan yang rapi dari sudut sumber manusia, sumber maklumat, sumber kewangan dan sebagainya (Sanusi, temu bual, September 24, 2020). Begitu juga dengan kemudahan logistik yang tidak lengkap seperti jumlah dan kondisi kenderaan pasukan, peralatan dalam siasatan dan ruangan

pejabat yang terhad. Kekurangan jumlah Pegawai Kanan Polis (PKP) dan Pegawai Rendah Polis (PRP) di satu-satu tempat berpotensi menyebabkan ada dalam kalangan mereka melaksanakan pelbagai tugas secara serentak yang boleh mengakibatkan hasil kerja yang tidak berkualiti dan memberi kesan kepada keterampilan dan personaliti mereka (Sanusi, temu bual, September 24, 2020).


Warga PDRM perlu mengubah minda dan cara bekerja kepada budaya kerja kelas pertama berasaskan pemikiran di luar kotak dan harus melakukan perubahan asas dalam strategi dan juga pemikiran (Asmawati, 2015). Kejayaan dalam sesuatu strategi yang dirancang adalah bergantung kepada keupayaan pihak atasan untuk menyelia, mengawal dan meletakkan kumpulan sasaran yang memahami peranan mereka supaya objektif program dapat dicapai. Struktur pengurusan dalam organisasi polis perlu diperkuat kerana pelaksanaan *Community Policing* bukan sahaja melibatkan masyarakat, tetapi secara tidak langsung dapat memperkasakan PKP dan PRP supaya lebih berinovasi, berdisiplin dan bermotivasi dalam pasukan (Rosly, temu bual, September 24, 2020).

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan pelaksanaan *Community Policing* dari perspektif warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur. Beberapa perkara yang dikaji berasaskan kepada Model Penilaian Stufflebeam menerusi penilaian input adalah untuk mengenal pasti tahap persediaan pelaksanaan *Community Policing* dalam kalangan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur bagi menentukan keberkesanan sama ada berjaya dilaksanakan atau sebaliknya. Penilaian input membincangkan persediaan sumber maklumat, persediaan sendiri, sokongan ketua, pengurusan kewangan, sokongan agensi-agensi lain dan promosi.

Berdasarkan Model Penilaian Stufflebeam yang digunakan dalam kajian ini, kerangka konseptual yang dibina oleh pengkaji dapat dirujuk dalam Rajah 1. Model ini mengandungi empat komponen iaitu konteks, input, proses dan produk.

**Rajah 1: Rangka Kerja Keberkesanan Pelaksanaan *Community Policing***



Rajah 1 menunjukkan bahawa *Community Policing* adalah sebagai komponen terpenting iaitu pembolehubah bersandar. Manakala penilaian konteks, input, proses dan produk adalah pembolehubah bebas. Oleh yang demikian, setiap penilaian (konteks, input, proses, produk) perlu dinilai tahap keberkesannya secara menyeluruh sama ada menyumbang kepada kejayaan atau kegagalan pelaksanaan *Community Policing* di Kontinjen Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, artikel ini hanya memfokuskan kepada penilaian input sahaja.

## **REKA BENTUK KAJIAN**

Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah kajian tinjauan deskriptif. Pemilihan kajian tinjauan deskriptif adalah bersesuaian kerana pelaksanaan *Community Policing* di lapangan melibatkan pihak polis dan masyarakat meskipun kajian ini memfokuskan dalam kalangan pihak polis sahaja. Selain itu, pengkaji juga menjalankan sesi temu bual dengan beberapa orang PKP yang masih berkhidmat dan yang telah bersara bertujuan untuk menyokong sesuatu kenyataan mengenai pelaksanaan *Community Policing* sama ada pendapat, pencerahan dan pengalaman mereka.

Data primer diperoleh melalui pengagihan set borang kaji selidik oleh pengkaji kepada responden. Soalan-soalan kaji selidik dirangka berdasarkan kepada ulasan karya pengkaji terdahulu. Selain itu, pengkaji membuat rujukan kepada beberapa arahan pentadbiran Ketua Polis Negara (KPN), buku-buku ilmiah dan contoh soal selidik daripada pengkaji lain serta ditambah baik mengikut perubahan semasa. Data sekunder dikumpul menerusi bacaan daripada kajian pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negara, artikel-artikel, jurnal-jurnal, akhbar tempatan, buku-buku perundangan, majalah dan lain-lain.

### ***Kawasan Kajian***

Kajian ini dijalankan di semua daerah di bawah pentadbiran IPK Kuala Lumpur yang terdiri daripada enam buah daerah iaitu Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi, IPD Sentul, IPD Brickfields, IPD Cheras, IPD Wangsa Maju dan IPD Putrajaya.

### ***Pemilihan Responden***

Dalam pemilihan responden, pengkaji menggunakan *Stratified Sampling* atau Rawak Berstrata. Tujuan pengkaji menggunakan Rawak Berstrata kerana adalah sukar untuk mendapatkan maklum balas dan mengambil pendapat keseluruhan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur. Kaedah pensamplean ini sangat mudah dan menjimatkan masa iaitu dengan membentuk beberapa kumpulan mengikut daerah-daerah dalam pentadbiran IPK Kuala Lumpur.

Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan Rawak Berstrata yang bersifat homogen kerana responden dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu:

1. PKP berpangkat Inspektor hingga Inspektor General;
2. PRP berpangkat Konstabel hingga Sub Inspektor.

Tujuan pengkaji menetapkan responden kepada dua kumpulan adalah kerana kumpulan PKP terdiri daripada kalangan mereka yang mengetuai pelbagai penugasan di lapangan termasuk menjadi contoh dan bertindak sebagai suri teladan (*role model*) kepada kumpulan PRP. Manakala PRP pula adalah kumpulan sokongan atau penggerak dalam pelbagai penugasan di lapangan yang perlu dipantau dan semua tindakan perlu dilaporkan kepada ketua/penyelia. Rasional pembahagian kumpulan ini sebagai responden dalam kajian adalah kerana pengkaji ingin mengetahui sejauh manakah kerjasama yang diberikan oleh kedua-dua kumpulan ini sehingga menghasilkan *Community Policing* yang berkesan di Kontinjen Kuala Lumpur walaupun bidang tugas antara dua kumpulan ini adalah berbeza.

### **Populasi dan Persampelan**

Pengkaji menetapkan jumlah responden adalah seramai 460 orang terdiri daripada PKP dan PRP yang melibatkan semua daerah di Kontinjen Kuala Lumpur. Penetapan jumlah responden ini berdasarkan formula pengiraan sampel oleh Isaac dan Michael (1981) iaitu tingkat kesalahan 1%, 5% dan 10% dari setiap jumlah kumpulan responden. Jumlah sampel mengikut ralat 10% bagi 759 orang PKP ialah 200 orang dan bagi 7,676 orang PRP ialah 260 orang. Untuk tujuan kajian ini, kebolehpercayaan dan kesahan instrumen telah dibuat dengan menggunakan kajian rintis kepada 30 responden terdiri daripada 15 orang PKP dan 15 orang PRP. Ujian ini dibuat dengan menggunakan kaedah *Cronbach Alpha* yang menggunakan lima poin Skala *Likert*. Keputusan kajian rintis diperoleh seperti dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Nilai Alpha Cronbach setiap Bahagian Soal Selidik**

Bil.	Indikator	Ujian Rintis 1		Ujian Rintis 2	
		No. Item	Nilai Alpha	No. Item	Nilai Alpha
1.	Demografi	1-10	-	1-10	-
2.	<b>Bah. 2: Penilaian Input</b>	1-48		1-37	
2.1	A. Persediaan Sumber Maklumat	1-10	<b>0.979</b>	1-7	<b>0.952</b>
2.2	B. Persediaan Kendiri	11-19	<b>0.948</b>	8-14	<b>0.933</b>
2.3	C. Sokongan Ketua	20-27	<b>0.990</b>	15-20	<b>0.941</b>
2.4	D. Pengurusan Kewangan	28-37	<b>0.935</b>	21-27	<b>0.872</b>
2.5	E. Sokongan Agensi	38-42	<b>0.977</b>	28-32	<b>0.905</b>
2.6	F. Promosi	43-48	<b>0.970</b>	33-37	<b>0.930</b>

Hasil ujian kajian rintis di Jadual 2 mendapati bahawa nilai kebolehpercayaan bagi elemen penilaian input pada setiap indikator adalah melebihi 0.8 meskipun ujian dibuat sebanyak dua kali. Nilai ini menunjukkan bahawa semua pembolehubah mempunyai kebolehpercayaan pada tahap ‘Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi’ seperti saranan Bond dan Fox

(2015). Oleh itu, semua soalan dalam kajian ini boleh dipercayai dan akan menghasilkan keputusan yang konsisten.

### **Teknik Penganalisan Data**

Dalam proses menganalisa data kuantitatif, pengkaji menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 26* untuk menganalisa data yang dikumpulkan daripada responden. Pengkaji menggunakan nilai pekali *Croanbach Alpha* untuk menilai tahap kebolehpercayaan item dan *Construct Validity* untuk menilai tahap kesahan instrumen dalam kajian rintis. Analisa peratusan dan kekerapan dilakukan terhadap pembolehubah demografi responden dan analisa min dan sisihan piawai juga diaplikasikan untuk menilai tahap persediaan (penilaian input) warga PDRM Kontonjen Kuala Lumpur dalam pelaksanaan *Community Policing*.

**Jadual 3: Keberkesanan *Community Policing* Melalui Penilaian Input**

Penilaian	Elemen	Min Keseluruhan	Sisihan Piawai	Interpretasi
Input	1. Persediaan Sumber Maklumat	4.04	0.59	Tinggi
	2. Persediaan Kendiri	4.03	0.69	Tinggi
	3. Sokongan Ketua	4.04	0.72	Tinggi
	4. Pengurusan Kewangan	3.94	0.69	Tinggi
	4. Sokongan Agensi-Agensi Lain	4.08	0.75	Tinggi
	6. Promosi	4.08	0.70	Tinggi
	<b>Keseluruhan</b>	<b>4.03</b>	<b>0.57</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 3 menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, penilaian input berada pada tahap tinggi (min=4.03, sp=0.57). Elemen persediaan sumber maklumat mencatatkan nilai interpretasi tinggi (min=4.04, sp=0.59). Elemen persediaan sendiri juga mencatatkan nilai interpretasi tinggi (min=4.03, sp=0.69). Elemen sokongan ketua juga mencatatkan nilai interpretasi tinggi (min=4.04, sp=0.72). Elemen pengurusan kewangan pula tidak mencapai ke angka 4, namun masih mencatatkan nilai interpretasi tinggi (min=3.94, sp=0.69). Elemen sokongan agensi lain dan elemen promosi mencatatkan nilai interpretasi tertinggi masing-masing (min=4.08, sp=0.75) dan (min=4.08, sp=0.70). Interpretasi ini adalah berdasarkan tahap pengukuran skor min yang digunakan hasil pengubahsuaian Zulkifli Awang (2012) seperti di Jadual 4.

**Jadual 4: Interpretasi Skor Min**

Skor Min	Interpretasi (Tahap)
1.00 hingga 2.49	Rendah dan tidak memuaskan atau tidak perlu
2.50 hingga 3.79	Sederhana dan agak memuaskan atau agak perlu
3.80 hingga 5.00	Tinggi dan sangat memuaskan atau sangat perlu

Sumber: Zulkifli Awang. (2012).

## PERBINCANGAN

Perbincangan dalam artikel ini bertujuan menjelaskan objektif kajian di mana pengkaji akan membincangkan setiap elemen dalam penilaian input dari segi kelebihan dan kekurangan *Community Policing* berdasarkan dapatan kajian. Seterusnya pengkaji membuat kesimpulan sama ada *Community Policing* di Kontinjen Kuala Lumpur perlu diteruskan, dipinda atau ditamatkan. Selain itu, pengkaji juga akan memberi cadangan untuk memperkasakan pelaksanaan *Community Policing*.

### **Tahap persediaan pelaksanaan *Community Policing* dalam kalangan warga PDRM kontinjen Kuala Lumpur melalui penilaian input**

Stufflebeam (1971) menegaskan bahawa penilaian input adalah penyampaian dan perkongsian maklumat dalam menentukan penggunaan sumber-sumber supaya objektif sesuatu program tercapai. Maklumat yang diterima diperlukan untuk menstrukturkan dan memperkukuhkan hala tuju program agar jelas dan mudah difahami oleh semua pihak yang terlibat. Selain itu, Stufflebeam (1971) juga menegaskan keputusan yang boleh dibuat berdasarkan penilaian input ialah dengan mengkhususkan penggunaan sumber, prosedur, peralatan, kemudahan dan bahan. Untuk menilai tahap persediaan pelaksanaan *Community Policing* dalam kalangan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur melalui penilaian input, pengkaji menghuraikan enam aspek yang diteliti iaitu persediaan sumber maklumat, persediaan sendiri, sokongan ketua, pengurusan kewangan, sokongan agensi-agensi lain dan promosi.

#### ***Persediaan Sumber Maklumat***

Dapatan kajian menunjukkan bahawa persediaan sumber maklumat dalam pelaksanaan *Community Policing* berada pada tahap tinggi (min=4.04, sp=0.59). Sumber maklumat yang disalurkan oleh masyarakat kepada pihak polis perlu dinilai terlebih dahulu kesahihannya. Dapatan kajian ini menyokong kenyataan yang dikeluarkan oleh Biro Bantuan Keadilan, Jabatan Keadilan Amerika Syarikat pada tahun 2013 mengenai *Comparative Statistics (CompStat)* di mana ianya menekankan perkongsian maklumat yang berkesan dengan memastikan maklumat tersebut adalah betul dan tepat. Dalam memastikan kesahihan sumber maklumat, masyarakat juga memerlukan pengetahuan yang luas dalam sesuatu isu. Pengetahuan tentang struktur fizikal, geografi dan sosial kejuruan membolehkan masyarakat mengambil bahagian secara aktif dalam menyalurkan maklumat dan membantu pihak polis untuk menentukan tindakan yang diambil (Trojanowicz & Bucqueroux, 1990).

Selain penyampaian maklumat melalui Rakan COP dan VSP, laman sosial media juga dijadikan sebagai alat perhubungan masyarakat dalam penyaluran berita dan maklumat kepada pihak polis. Hal ini dapat dibuktikan dengan kejayaan PDRM dalam 245 menyelesaikan kes jenayah yang ditularkan oleh masyarakat. Sebagai contoh pada tahun 2019, sebanyak 83% daripada kes jenayah yang berlaku di negara dan ditular dalam laman sosial media pada tahun ini telah diselesaikan oleh PDRM.

Namun, kajian ini juga mendapati seramai 128 orang (26.3%) dalam kalangan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur yang menyatakan sangat tidak setuju, tidak setuju dan tidak pasti bahawa



sumber maklumat jenayah yang disalurkan adalah baik tanpa melihat kepada faktor demografi masyarakat. Pengkaji berpendapat bahawa sesuatu maklumat jenayah yang diterima perlu melalui proses semakan dan tapisan terlebih dahulu. Semakan dan tapisan ini bertujuan untuk menilai dan menganalisa kesahihan dan ketepatan intipati maklumat yang disampaikan. Latar belakang atau demografi pemberi maklumat adalah penting kerana pihak polis dapat membuat penilaian awal tentang permasalahan atau kategori kejadian jenayah yang berlaku di sesuatu kawasan sebelum tindakan susulan diambil.

Oleh yang demikian, dapatan kajian ini membuktikan bahawa sumber maklumat jenayah yang diterima daripada masyarakat perlu dikaji dan dinilai terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan pencegahan diambil oleh pihak polis khususnya warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur. Maklumat yang sahih dapat membantu pihak polis dalam membuat perancangan pencegahan secara tersusun yang akan menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan *Community Policing*.

### ***Persediaan Kendiri***

Dapatan kajian menunjukkan bahawa persediaan sendiri dalam pelaksanaan *Community Policing* dalam kalangan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur adalah tinggi (min=4.03, sp=0.69). Perkara ini perlu untuk menjaga penampilan diri agar mudah didekati oleh masyarakat. Jamaludin (2010) mendefinisikan sendiri sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri yang meliputi rupa paras, kesihatan fizikal, kebolehan, kekuatan, kelemahan dan tingkah laku seseorang dari aspek psikologi dan jasmani. Aspek dalaman menjurus kepada ilmu pengetahuan, latihan atau kursus yang perlu dimiliki oleh warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur untuk meningkatkan lagi tahap profesionalisme ketika berhadapan dengan masyarakat.

Dalam usaha untuk mendekati diri dengan masyarakat, latihan secara berterusan perlu dilakukan oleh warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur. Latihan asas yang diterima di pusat latihan polis perlu diteruskan dengan kursus-kursus tambahan ketika berkhidmat di lapangan (Demir, 2002). Melalui latihan atau kursus ini dapat menambahkan pengalaman dan berupaya memantapkan tahap pemikiran pegawai polis untuk digunakan ketika berhadapan dengan masyarakat dengan pelbagai kaedah (Demir, 2002).

Seperti yang dinyatakan oleh Jamaludin (2010), sendiri dari aspek luaran menjurus kepada penilaian keterampilan diri dan perwatakan seseorang. Perkara yang unik berkenaan kerja polis ialah apabila masyarakat melihat polis berpakaian seragam, masyarakat mengharapkan mereka dapat menunaikan sepenuhnya tanggungjawab dan dapat mengambil tindakan berlandaskan undang-undang (Daniel, 2019). Hal ini membawa maksud, warga PDRM perlu memiliki penampilan diri dan tahap kesihatan yang baik serta sentiasa bersiap siaga dalam apa jua keadaan.

Namun, dapatan kajian mendapati bahawa seramai 109 orang (22.3%) warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur yang mengatakan tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju bahawa tahap pemahaman mereka mengenai *Community Policing* meningkat jika mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) dan kursus yang dianjurkan oleh PDRM. Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Williams dan Sloan pada tahun 1990 yang mengakui bahawa kepentingan latihan, kursus dan pendidikan dalam meletakkan asas kepada kejayaan pelaksanaan program *Community Policing* di Jabatan Polis Aurora, Colorado, Amerika Syarikat. Sebanyak 29 kursus atau latihan

telah dijalankan oleh Jabatan Polis Aurora ke atas pegawai polis. Kesan daripada latihan ini melahirkan pegawai polis yang semakin mahir dalam penyelesaian masalah, mewujudkan hubungan dua hala dengan masyarakat dan bijak dalam menetapkan keutamaan input yang diterima daripada masyarakat (Williams & Sloan, 1990). Adlan (2000) pula mendapati bahawa semakin tinggi tahap pendidikan dan pengetahuan, semakin rendah tekanan kerja yang dirasakan. Ini kerana cara pemikiran, pengendalian emosi dan kemahiran membuat keputusan boleh diterjemahkan berdasarkan tahap pengetahuan dan pendidikan yang diterima.

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa persediaan sendiri dalam kalangan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur untuk berhadapan dengan masyarakat adalah penting. Perkara ini menunjukkan bahawa persiapan yang rapi melalui penambahan ilmu pengetahuan dan penampilan diri dapat membantu warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur untuk memahami masalah penduduk, memiliki kemahiran interpersonal yang tinggi dan dapat memberikan sumbangan yang positif kepada PDRM dan masyarakat.

### ***Sokongan Ketua***

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sokongan daripada ketua/penyelia dalam pelaksanaan *Community Policing* dalam kalangan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur adalah tinggi (min=4.04, sp=0.72). Perkara ini berlaku jika ketua/penyelia sentiasa berfikiran terbuka dan mendengar pendapat serta pandangan orang lain. Seorang pemimpin perlu memberikan sokongan yang padu di setiap peringkat dalam jabatan kerana untuk mendapatkan sokongan daripada pekerja bawahan untuk melaksanakan *Community Policing* adalah perkara yang sukar (Edwards, 2002). Seorang ketua/penyelia yang berwibawa sentiasa menunjukkan ciri-ciri kepimpinan dan contoh pengurusan yang baik kepada pekerja (Trojanowicz, 1996). Skogan (2000) menegaskan bahawa lebih dekat pemimpin dengan pekerja di lapangan, lebih banyak ciri kepimpinan mereka dapat dinilai.

Dapatan kajian ini juga menyokong kenyataan O'Neill (2004) bahawa semua pegawai yang terlibat dengan pelaksanaan program perlu diberikan peluang dan ruang untuk mengambil bahagian serta perlu keluar daripada garisan sempadan kuasa sesebuah jabatan (O'Neill, 2004). Ini bermaksud, ketua/penyelia perlu memberi sokongan, galakan dan mengawal selia setiap aktiviti yang dilakukan oleh pekerja tanpa mengira pangkat dan jawatan selagi mereka memahami matlamat dan objektif yang hendak dicapai dalam *Community Policing* (Edwards, 2002).

Namun, berdasarkan kajian ini terdapat beberapa kelemahan di mana pengkaji mendapati seramai 85 orang (17.4%) dalam kalangan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur menyatakan tidak pasti atau tidak setuju bahawa ketua/penyelia sentiasa memberikan motivasi, sokongan dan galakan kepada PKP dan PRP untuk melaksanakan *Community Policing*. Kegagalan ketua dalam mengawal selia anggota bawahan dan kelemahan tadbir urus pasukan polis dalam pelaksanaan *Community Policing* mengakibatkan berlakunya konflik dalaman (Hollis, 2018). Ketua/penyelia perlu untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi teknik pengurusan dalaman jabatan dengan mempelbagaikan konsep sedia ada atau melaksanakan konsep yang baru. Perkara ini bukan sahaja untuk memperkasakan hubungan pegawai dan anggota bawahan, bahkan menjadi kunci kepada peningkatan komitmen organisasi dalam menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat.

Walau bagaimanapun, dapat dilihat daripada dapatan kajian ini bahawa sokongan ketua/penyelia dalam pelaksanaan *Community Policing* di Kontinjen Kuala Lumpur adalah penting kerana kejayaan program adalah bergantung kepada ciri kepimpinan seorang ketua/penyelia yang sentiasa memberikan motivasi, sokongan dan galakan kepada pegawai dan anggota bawahan. Perkara ini secara tidak langsung dapat merapatkan lagi hubungan kerjasama yang baik dalam kalangan mereka meskipun terdapat segelintir responden yang tidak bersetuju dengan perkara ini.

### ***Pengurusan Kewangan***

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengurusan kewangan dalam pelaksanaan *Community Policing* berada pada tahap tinggi (min=3.94, sp=0.69). Sifat jujur dan amanah ditetapkan sebagai aspek penting dalam pengurusan kewangan ketika melaksanakan *Community Policing*. Kekurangan peruntukan dan kegagalan dalam menguruskan sumber kewangan akan menyebabkan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur berhadapan dengan bebanan kerana terpaksa menampung kos perbelanjaan sendiri dan perkara ini sama sekali perlu dielakkan. Namun, PDRM amat bertuah kerana dalam melaksanakan program *Community Policing*, sumber kewangan bukanlah satu halangan yang besar. Ini kerana, PDRM tidak ketinggalan dalam menerima peruntukan kewangan melalui Pembentangan Belanjawan. Sebagai contoh, dalam pembentangan Belanjawan 2013, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM 591 juta kepada PDRM untuk mewujudkan kejiranan yang selamat dan harmoni (Zaiton, 2016). Dalam pembentangan Belanjawan 2017 pula, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM 60 juta bagi meningkatkan keberkesanan usaha mencegah jenayah di kawasan bandar, termasuk inisiatif *omnipresence* serta unit rondaan bermotosikal (URB). Dalam pembentangan Belanjawan 2020, pihak kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 17 bilion kepada PDRM untuk memfokuskan kepada pencegahan jenayah. Selain itu, dalam melaksanakan *Community Policing*, PDRM juga menerima kerjasama daripada agensi-agensi lain yang menyalurkan bantuan mengikut keperluan sesuatu program yang akan dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa terdapat seramai 208 orang (42.7%) dalam kalangan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur menyatakan sangat tidak setuju, tidak setuju dan tidak pasti bahawa peruntukan sumber kewangan untuk kegunaan dalam pelaksanaan *Community Policing* adalah mencukupi. Pengkaji mendapati bahawa hal ini berlaku kerana mereka tidak dimaklumkan berkenaan status kewangan dan jumlah yang disalurkan oleh Bukit Aman kepada PDRM Kontinjen Kuala Lumpur atau IPD untuk menjayakan program *Community Policing*. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa PDRM Kontinjen Kuala Lumpur atau IPD perlu memaklumkan kepada PKP dan PRP mengenai sumber kewangan dan jumlah yang diperuntukkan oleh Bukit Aman untuk menjayakan program *Community Policing*. Hal ini bertujuan untuk mencerminkan sikap ketelusan, kejujuran dan integriti individu atau jabatan dalam mengawal selia aliran kewangan supaya tiada ruang dan peluang salah laku dan penyelewengan dibuat oleh mana-mana pihak.

### ***Sokongan Agensi-agensi Lain***

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa sokongan dan penglibatan agensi-agensi lain dalam pelaksanaan *Community Policing* adalah tinggi (min=4.08, sp=0.75) apabila jaringan kerjasama antara jabatan dapat dirapatkan lagi. Kajian ini sejajar dengan kajian Trojanowicz dan Bucqueroux

pada tahun 1994 di mana mereka mendapati bahawa polis, masyarakat, ahli perniagaan, ahli politik, agensi-agensi lain dan media perlu memainkan peranan yang penting dalam proses pelaksanaan *Community Policing*. Dapatan kajian ini juga konsisten dengan Arahan KPN, Bil 70. Rujukan KPN 35/90, Garis Panduan Pelaksanaan *Community Policing* PDRM, Bahagian Struktur Organisasi para 4; Bahagian Fungsi dan Tanggungjawab, para 3 iaitu “Mewujudkan tatacara berstruktur bekerjasama sebagai rakan (*smart partnership*) dan Jawatan Kuasa *Community Policing* (JKCP), Media, MCPF, NGO, Kementerian, Swasta di mana peranan jawatan kuasa ini adalah sebagai pemangkin untuk menjayakan program-program *Community Policing*.”

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa seramai 103 orang (21.1%) dalam kalangan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur menyatakan sangat tidak setuju, tidak setuju dan tidak pasti bahawa agensi-agensi lain turut memberikan bantuan kemudahan fasiliti dan peruntukan sumber kewangan dalam menjayakan pelaksanaan *Community Policing*. Pengkaji mendapati bahawa perkara ini disebabkan oleh warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur menganggap penglibatan agensi-agensi lain hanya dalam menyalurkan bantuan fasiliti dan kewangan sahaja. Perkara ini perlu diberi perhatian kerana jika program *Community Policing* dianjurkan oleh PDRM sahaja, matlamat program tidak tercapai kerana *Community Policing* memerlukan penglibatan pemegang taruh.

Oleh yang demikian, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sokongan agensi-agensi lain dalam pelaksanaan *Community Policing* adalah penting kerana kejayaan sesuatu program juga bergantung kepada kerjasama yang diberikan oleh agensi-agensi lain. Lebih banyak penglibatan mereka dalam pelaksanaan *Community Policing*, lebih banyak ilmu pengetahuan dapat disampaikan oleh PDRM kepada masyarakat. Perkara ini secara tidak langsung dapat merapatkan lagi hubungan kerjasama yang baik antara kedua-dua pihak.

### **Promosi**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa promosi mencatatkan tahap yang tinggi (min=4.08, sp=0.70). Hubungan baik dengan pengamal media boleh memberikan publisiti bermanfaat dalam membantu untuk meraih sokongan orang ramai di samping mencari sukarelawan yang mempunyai kemahiran yang diperlukan (COPS, 1997). Penglibatan pengamal media dalam mesyuarat perancangan program *Community Policing* adalah salah satu cara untuk menghebahkan isu keselamatan kepada masyarakat di luar. Menurut Fitzgerald (1992), setiap organisasi yang menyediakan produk atau perkhidmatan perlu melalui proses komunikasi dengan masyarakat untuk diuar-uarkan tentang produk atau perkhidmatan yang disediakan. Komunikasi ini mempunyai dua matlamat yang berlainan tetapi berkaitan antara satu sama lain. Matlamat pertama adalah untuk memaklumkan kepada masyarakat mengenai produk dan perkhidmatannya. Matlamat kedua adalah untuk menubuhkan dan mengekalkan hubungan yang baik atau reputasi organisasi itu sendiri dalam kalangan masyarakat (Fitzgerald, 1992).

Dapatan kajian ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Zaiton (2016) yang menyatakan bahawa aktiviti dalam mempromosikan sesuatu program memerlukan sistem penyampaian maklumat yang berkesan agar kumpulan sasaran mendapat kebaikan daripada program tersebut. Peranan ini bukan terletak di bahu warga PDRM sahaja, malah pemegang taruh juga perlu

bersama-sama mempromosikan program ini sama ada melalui media massa ataupun media elektronik (Zaiton, 2016).

Walau bagaimanapun, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa seramai 121 orang (24.8%) warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur menyatakan tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju bahawa program *Community Policing* akan lebih menarik jika melibatkan kehadiran orang kenamaan atau orang berpengaruh. Pengkaji mendapati bahawa perkara ini berlaku kerana dengan kehadiran atau penglibatan orang kenamaan, sudah pasti segala perancangan untuk menjayakan program dibuat dengan lebih teliti dengan penglibatan pelbagai pihak, penggunaan aset dan kos perbelanjaan yang tinggi. Namun, pengkaji berpendapat bahawa penglibatan orang kenamaan atau orang berpengaruh dalam program *Community Policing* di Kuala Lumpur adalah wajar kerana golongan ini juga dianggap sebagai ikon dalam bidang masing-masing yang boleh mempengaruhi masyarakat dalam usaha mencegah jenayah.

Kesimpulannya, kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur mempunyai tahap persediaan yang tinggi untuk melaksanakan *Community Policing* dengan berkesan sama ada di peringkat balai, daerah atau kontinjen dengan tahap tinggi (min=4.03, sp=0.57). Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa penilaian input dalam Model Penilaian Stufflebeam/KIPP boleh dijadikan sebagai ukuran dalam memastikan kejayaan pelaksanaan *Community Policing* di Kontinjen Kuala Lumpur.

## **KESIMPULAN**

Pengkaji mendapati bahawa pelaksanaan *Community Policing* di Kontinjen Kuala Lumpur adalah berjaya berdasarkan kepada penurunan kadar jenayah indeks sejak tahun 2008 hingga 2020 setelah *Community Policing* dilaksanakan secara rasmi. Secara keseluruhannya, warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur mempunyai tahap persediaan yang tinggi dalam pelaksanaan *Community Policing*. Dalam usaha untuk memerangi jenayah, PDRM Kontinjen Kuala Lumpur juga memerlukan sokongan dan bantuan daripada agensi-agensi lain seperti badan kerajaan, NGO, institusi perbankan, institusi pendidikan dan sebagainya.

Selain itu, faktor promosi juga amat penting dalam memastikan maklumat yang hendak disampaikan dan dikongsikan kepada masyarakat dapat menarik perhatian masyarakat untuk hadir dan melibatkan diri dalam program *Community Policing*. Persediaan sumber maklumat yang tepat dan sahih juga menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi bertujuan untuk mengelak berlakunya sebarang perkongsian atau penyebaran maklumat yang palsu kepada pihak polis. Persediaan dan persiapan diri dalam kalangan warga PDRM Kontinjen Kuala Lumpur juga pada tahap yang tinggi kerana mereka perlu berhadapan dengan masyarakat yang mempunyai daya pemikiran dan ilmu pengetahuan yang tinggi kesan daripada kecanggihan teknologi dan perubahan masa.

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa Model Penilaian Stufflebeam (1971) sangat sesuai digunakan untuk menilai tahap keberkesanan dalam sesuatu program. Pengkaji mendapati bahawa model ini dapat menilai tahap keberkesanan perjalanan program secara menyeluruh sejak dari peringkat perancangan sehingga peringkat pelaksanaan. Dengan penggunaan model ini juga, pengkaji menegaskan bahawa *Community Policing* di Kontinjen Kuala Lumpur masih relevan dan

perlu terus dilaksanakan agar konsep kebersamaan antara PDRM dengan masyarakat menjadi satu budaya dalam sistem kepolisan.

## RUJUKAN

- Adlan Ahmad. (2000). *Tekanan kerja di kalangan pegawai penyiasat dan penolong pegawai penyiasat yang berumahtangga di Jabatan Narkotik dan Cawangan Trafik, Kontinjen Polis Kuala Lumpur*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Asmawati Ahmad. (2015). Hari Polis ke 208 Tahun: Polis dan masyarakat berpisah tiada, *Berita Bukit Aman, Bil. 1/2015*, hal. 4.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). Routledge & T. & F. Group (Eds.) *Applying the Rasch Model fundamental measurement in the human sciences* (3<sup>rd</sup> ed.). New York & London.
- Bonner, H. S. (2015). Police officer decision-making in dispute encounters: Digging deeper into the 'Black Box.' *American Journal of Criminal Justice*, 40, 493-522. <https://doi.org/10.1007/s12103-014-9274-2>.
- Churprakobkit, S. (2002). Community policing: Training, definitions and policy implications. *Policing: An International Journal of Police Strategies & Management*, 25(4), 709-725
- Colquhoun, I. (2004). Design out crime: Creating safe and sustainable communities. DOI:10.1057/palgrave.cpcs.8140201
- COPS. (1997). *Community-oriented public safety: Participant's Handbook*. Washington, DC: International City/County Management Association.
- Crowe, T.D. (2000). *Crime prevention through environmental design* (2<sup>nd</sup> ed.). National Crime Prevention Institute.
- Demir, C. (2002). *Community policing training programs and their roles in implementation of community policing*. University of North Texas.
- DeNita, R.S.S. (2017). *Police and citizens' perceptions of community policing in Richmond, Virginia*. Walden University.
- Edwards, J.T. (2002). *Leadership attitudes and the implementation of community policing in law enforcement agencies in rural North Carolina*. North Carolina State University.
- Eldefonso, E. (1983). *Law enforcement and the youthful offender: Delinquency and juvenile justice* (4th ed.). Hoboken, NJ : John Wiley & Sons Inc.
- Fitzgerald, W. (1992). Training versus development. *Training and Development*, 46(5), 81-84
- Friedmann, R.R. (1992). *Community policing: comparative perspectives and prospects*. New York, NY: St. Martin's Press.
- Grinc, R. (1994). Angels in marble: problems stimulating community involvement in community policing. *Crime & Delinquency*, 40, 437-468.
- Hollis, M.E. (2018). Measurement issues in police use of force: a state-of-the-art review. *Policing: An International Journal*, 41(6), 844-858. <https://doi.org/10.1108/PIJPSM-11-2017-0137>
- Isaac, S., & Michael, W.B. (1981). *Handbook in research and evaluation*. California: Edits Publishers.
- Jamaludin Ramli. (2010). *Bab Enam: Pengertian konsep sendiri*. Psikologi Pendidikan. Johor Bharu : Universiti Teknologi Malaysia.
- Janković D., Cvorovic A., Dopsaj M.M, Prcic I., & Kukic F. (2022). Effects of the task complexity on the single movement response time of upper and lower limbs in police officers. *International Journal of Environmental Research and Public Health* 19(4), 8695.

- Kelling, G.L., & Moore, M.H. (1988). *The evolving strategy of policing*. National Institute of Justice, U.S. Department of Justice, and the Program in Criminal Justice Policy and Management, John F. Kennedy School of Government, Harvard University. <https://www.ojp.gov/pdffiles1/nij/114213.pdf>
- Lab, S. P. (2007). *Crime prevention: Approaches, practices and evaluations* (6<sup>th</sup> ed.). Anderson.
- Maja, J. (2013). *Police officers' and citizens' attitudes toward the provision of safety/security in local communities In Slovenia*. Univerza v Mariboru (Slovenia).
- Merrit, J., & Dingwall, G. (2010). Does plural suit rural? Reflections on quasi-policing in the countryside. *International Journal of Police Science & Management*, 12 (3), 388-400.
- Morabito M. S. (2010). Understanding community policing as an innovation: Patterns of Adoption. *Crime & Delinquency*, 56, 564–587. DOI: 10.1177/0011128707311643.
- Portal Rasmi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan. (2022). Eaic.gov. <http://www.eaic.gov.my/>
- O'Neill, W.G. (2004). *Police reform and human rights: A jurist document*. New York.
- Schmidt, R.A., & Lee, T. (2011). *Motor control and learning; Human Kinetics: Champaign. IL, USA*.
- Skogan, W.G. (2000). *Public Involvement: Community policing in Chicago*. Northwestern University.
- Skolnick, J.H., & Bayley, D.H. (1988). *Community Policing: Issues and practices around the world*. National Institute of Justice (U.S.), Abt Associates.
- Trojanowicz, R. (1996). *Community policing guidelines for police chiefs*. <http://www.concetric.net/~dwoods/guide.htm>.
- Trojanowicz, R., & Bucqueroux, B. (1990). *Community policing: A contemporary perspective*. Anderson Publishing, US.
- Wan Nurul Wahidah Wan Lanang & Muhamad Sayuti Hassan. (2021). Program pencegahan jenayah di negeri Perak melalui peranan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan masyarakat. *Jurnal Perspektif*, 13(1), 85-101.
- Williams, J. & Sloan, R. (1990). *Turning concepts into practice: The Aurora, Colorado story*. Michigan State University.
- Yates, D.L. & Pillai, V.K. (1996). Attitudes toward community policing: A casual analysis. *The Social Science Journal*, 33(2), 193-209. [https://doi.org/10.1016/S0362-3319\(96\)90036-1](https://doi.org/10.1016/S0362-3319(96)90036-1).
- Zaiton Azman. (2016). *Pendekatan ruang boleh dipertahankan dalam Program Pengawasan Komuniti untuk kanak-kanak tidak terkawal di Projek Perumahan Awam Desa Rejang, Setapak, Kuala Lumpur*. Universiti Malaya.
- Zhao, J., Thurman, Q.C. & Lovrich, N.P. (1995). Community-oriented policing across the US: Facilitators and impediments to implementation. *American Journal of Police*, 14(1), 11-28. <https://doi.org/10.1108/07358549510799143>
- Zhao, J., Scheider, M.C., & Thurman, Q.C. (2002). Funding community policing to reduce crime: Have COPS grants made a difference. *Criminology & Public Policy*, 2 (1), 7-32. DOI:10.1111/j.1745-9133.2002.tb00104.x
- Zulkifli Awang. (2012). *Strategi pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani yang berkesan*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

---

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Asia Timur, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.